



**MINIT MESYUARAT PEROLEHAN HIJAU  
KERAJAAN (GOVERNMENT GREEN  
PROCUMENT - GGP) DAN PENARAFAN  
HIJAU JABATAN KERJA RAYA (pH JKR)**

**PADA 29 OGOS 2016**

**MINIT MESYUARAT PEROLEHAN HIJAU KERAJAAN (GOVERNMENT GREEN PROCUREMENT - GGP) DAN PENARAFAN HIJAU JABATAN KERJA RAYA (pH JKR) PADA 29 OGOS 2016**

**TARIKH : 29 Ogos 2016**

**MASA : 9.00 pagi**

**TEMPAT : Bilik Heliconia, Tingkat 22, Menara PJD, 50400 Kuala Lumpur**

**SENARAI KEDATANGAN**

<u>Bil.</u>	<u>Nama</u>	<u>Gred</u>	<u>Cawangan</u>
1.	Pn. Monaliza Bt. Mohd Hassan (Pengerusi)	J52	CASKT
2.	Pn. Farah Bt. Abdul Samad	J52	CASKT
3.	Ar. Thulasaidas Sivasubramaniam	J52	CA
4.	Pn. Roslina Bt. Ahmad	J48	CKUB
5.	En. Yuvabalan A/L Govindasamy	J48	CASKT
6.	Pn. Samsiah Bt. Omar	J48	CASKT
7.	Ir. Abdul Muiez B. Abdullah	J44	CASKT
8.	Ar. Siti Mazlina Bt Zarmani	J44	CASKT
9.	Pn. Nur Adila Bt Abidin	J41	CASKT
10.	Pn. Farah Hanum Bt Omar	J41	CASKT
11.	Pn. Fadini Bt Mohamad Razali	J41	CASKT
12.	Pn. Wan Nadia Bt Kamarudin	Associate	MGTC
13.	Pn. Siti Fatimah Bt Noor Saidin	Analyst	MGTC
14.	Pn. Komathi Manyappan	Assoc. Consultant	MGTC
15.	En. Noor Akmar Shah B. Mohd Nordin	National Project coordinator	GIZ

NO	PERKARA-PERKARA BERKAITAN YANG DIBINCANGKAN	TINDAKAN
1	<p><b><u>UCAPAN PENGERUSI</u></b></p> <p>Pengerusi mengucapkan ribuan terima kasih serta mengalu-alukan kehadiran semua ahli ke mesyuarat Perolehan Hijau Kerajaan (Government Green Procurement - GGP) dan Penarafan Hijau Jabatan Kerja Raya (pH JKR).</p> <p>Mesyuarat ini adalah susulan kepada taklimat Skim Penarafan Hijau (pH JKR) yang telah diadakan pada 5 Ogos 2016 yang lalu di Malaysia Green Technology Corporation.</p> <p>Mesyuarat ini bertujuan untuk membincangkan dan mengenalpasti komponen GGP yang boleh dilaporkan bagi projek perintis berdasarkan kepada elemen hijau yang dikenalpasti dalam kriteria penarafan hijau (pH JKR).</p>	Makluman
2	<p><b><u>PENGENALAN GREEN PRODUCT SCORING SYSTEM (GPSS):</u></b></p> <p>Ar. Thulasaidas, KPP dari Cawangan Arkitek memaklumkan mengenai Manual Green Product Scoring System (GPSS) yang telah dibangunkan untuk mengira peratusan penggunaan produk hijau dalam projek bangunan atau jalan.</p> <p>Penilaian penggunaan produk hijau bagi projek bangunan adalah terdiri daripada komponen seni bina, elektrikal, mekanikal serta sivil &amp; struktur.</p> <p>Beliau mencadangkan agar GPSS digunakan sebagai rujukan bagi penilaian kepada projek perintis GGP dan pelaporan kepada pihak terlibat.</p>	Makluman
3	<p><b><u>PELAKSANAAN PEROLEHAN HIJAU KERAJAAN (GGP) – PEROLEHAN KERJA</u></b></p> <p><b>3.1 Projek Perintis GGP JKR Malaysia</b></p> <p>Mesyuarat dimaklumkan bahawa skop pelaksanaan Perolehan Hijau Kerajaan (Government Green Procurement – GGP) telah diperluaskan</p>	Makluman

NO	PERKARA-PERKARA BERKAITAN YANG DIBINCANGKAN	TINDAKAN												
	<p>kepada perolehan kerja yang melibatkan projek-projek pembangunan fizikal baru seperti pembinaan bangunan-bangunan Kerajaan.</p> <p>Mesyuarat berkaitan pelaksanaan GGP – Perolehan Kerja pada 13 Jun 2016 di Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau Dan Air (KeTTHA) telah memutuskan tiga (3) projek yang berdaftar di bawah kriteria Penarafan Hijau iaitu pH JKR dan MyCrest dijadikan sebagai projek perintis seperti butiran di bawah:-</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>Projek Perintis GGP</th><th>Pengurus Program &amp; HOPT</th><th>Tarikh Jangka Tender</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Pembinaan Pusat Pengajian Pengurusan Pelancongan Hospitaliti dan Alam Sekitar Universiti Utara Malaysia (UUM) Colgis</td><td>Cawangan Kerja Pendidikan</td><td>Januari 2017</td></tr> <tr> <td>Universiti Pengurusan Sultan Idris (UPSI)- Bangunan Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional di Kampus UPSI Teluk Intan Fasa 2</td><td>Cawangan Kerja Pendidikan</td><td>Januari 2017</td></tr> <tr> <td>Menaiktaraf Pusat Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia (PLKPM) Bandar Baru Enstek, Negeri Sembilan</td><td>Cawangan Kerja Bangunan Am 1 (CKBA1)</td><td>Oktober 2016</td></tr> </tbody> </table>	Projek Perintis GGP	Pengurus Program & HOPT	Tarikh Jangka Tender	Pembinaan Pusat Pengajian Pengurusan Pelancongan Hospitaliti dan Alam Sekitar Universiti Utara Malaysia (UUM) Colgis	Cawangan Kerja Pendidikan	Januari 2017	Universiti Pengurusan Sultan Idris (UPSI)- Bangunan Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional di Kampus UPSI Teluk Intan Fasa 2	Cawangan Kerja Pendidikan	Januari 2017	Menaiktaraf Pusat Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia (PLKPM) Bandar Baru Enstek, Negeri Sembilan	Cawangan Kerja Bangunan Am 1 (CKBA1)	Oktober 2016	Makluman
Projek Perintis GGP	Pengurus Program & HOPT	Tarikh Jangka Tender												
Pembinaan Pusat Pengajian Pengurusan Pelancongan Hospitaliti dan Alam Sekitar Universiti Utara Malaysia (UUM) Colgis	Cawangan Kerja Pendidikan	Januari 2017												
Universiti Pengurusan Sultan Idris (UPSI)- Bangunan Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional di Kampus UPSI Teluk Intan Fasa 2	Cawangan Kerja Pendidikan	Januari 2017												
Menaiktaraf Pusat Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia (PLKPM) Bandar Baru Enstek, Negeri Sembilan	Cawangan Kerja Bangunan Am 1 (CKBA1)	Oktober 2016												
3.2	<p><b><u>Penilaian GGP bagi Projek Perintis</u></b></p> <p>Mesyuarat dimaklumkan oleh pihak MGTC bahawa penilaian GGP bagi projek perintis perlu berpandukan kepada produk hijau yang digunakan dalam projek berkenaan.</p> <p>Sehubungan itu, mesyuarat bersetuju Manual Green Product Scoring System (GPSS) digunakan bagi mengenalpasti semua produk hijau yang digunakan dalam projek. Manual GPSS adalah merujuk kepada peratusan penggunaan produk hijau dalam sesuatu projek. Bagi pelaporan GGP kepada pihak KeTTHA &amp; Kementerian Kewangan, maklumat tambahan yang merangkumi kuantiti berserta kos produk hijau yang terlibat perlu</p>	Makluman Semua Pasukan Projek Perintis												

MINIT MESYUARAT PEROLEHAN HIJAU KERAJAAN (GOVERNMENT GREEN PROCUREMENT - GGP) DAN PENARAFAN HIJAU JABATAN KERJA RAYA (pH JKR) PADA 29 OGOS 2016

NO	PERKARA-PERKARA BERKAITAN YANG DIBINCANGKAN	TINDAKAN
	<p>disediakan oleh pihak Cawangan Kontrak &amp; Ukur Bahan (CKUB).</p> <p>Surat mewajibkan penggunaan Manual GPSS bagi projek perintis GGP perlu disediakan dan dikemukakan kepada semua pasukan projek terlibat.</p> <p>Taklimat pengenalan Manual GPSS kepada Pasukan Projek Perintis GGP juga akan dilaksanakan dalam bulan Oktober 2016</p> <p>Bengkel penilaian GGP menggunakan GPSS akan diadakan bagi kesemua projek perintis setelah projek berkenaan ditender bagi mendapatkan senarai produk hijau, kuantiti dan kos yang terlibat untuk pelaporan.</p>	Urusetia & CKUB
4	<p><b><u>HAL – HAL LAIN</u></b></p> <p>Mesyuarat mencadangkan agar kriteria-kriteria lain selain produk yang terkandung dalam Skim Penarafan Hijau (pH JKR) juga boleh dibincangkan dan dikenalpasti untuk penilaian GGP pada masa hadapan.</p> <p>Mesyuarat bersetuju agar <i>timeline</i> untuk perancangan dan pengukuran GGP bagi ketiga-tiga projek perintis juga disediakan.</p>	Makluman
5	<p><b><u>PENUTUP</u></b></p> <p>Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 4.30 petang.</p>	Urusetia

Disediakan oleh :

Ir. Abdul Mueiz bin Abdullah  
Penolong Pengarah,  
Bahagian Pakar, CASKT

Disemak oleh:

Yuvabalah Ali Govindasamy  
Penolong Pengarah Kanan,  
Bahagian Pakar, CASKT

Disahkan oleh:

Monaliza binti Mohd Hassan  
Ketua Penolong Pengarah,  
Bahagian Pakar, CASKT